

## DINAR EMAS SEBAGAI MEDIUM BERWAKAF TUNAI MENELITI KEPADAS ASPEK PELAKSANAAN DAN SEJARAH ISLAM

**THE GOLDEN DINAR AS A CASH WAQF MEDIUM STUDY THE  
IMPLEMENTATION AND HISTORICAL ASPECTS OF ISLAM**

**Che Khadijah Hamid\***

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu

**Salimah Yahaya**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu

**Surita Hartini Mat Hassan**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pahang

**Sakinatul Raadiyah Abdullah**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah

**Farahdina Fazial**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah

**Nor Adila Mohd Nor**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu

\*Corresponding Author's Email: chekhadijah@uitm.edu.my

---

### Article History:

Received : 16 February 2024

Accepted : 3 April 2024

Published : 25 Jun 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

---

### To cite this article:

Hamid, C.K., Yahaya, S., Hassan, S.H.M., Abdullah, S.K., Fazial, F. & Mohd Nor, N.A. (2024). Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf Tunai Meneliti Kepada Aspek Pelaksanaan Dan Sejarah Islam. *Jurnal 'Ulwan*, 9(1), 144-159.

## ABSTRAK

Dinar emas merupakan barang yang berasal daripada logam berharga dan bernilai. Keistimewaan yang dimiliki oleh logam emas menjadikan penggunaannya sebagai mata wang paling popular berbanding dengan logam lain dalam sejarah mata wang. Penelitian terhadap mekanisme yang diguna pakai pada masa ini dalam amalan wakaf tunai menggunakan wang fiat sebagai instrumen berwakaf. Justeru, penggunaan wang fiat dibimbangi mengganggu gugat kekekalan ain' dalam amalan berwakaf. Sehubungan dengan itu, kajian ini mengetengahkan satu asas berhubung penggunaan dinar emas sebagai medium berwakaf dari perspektif sejarah Islam. Pertama, objektif kajian ini menganalisis mekanisme pelaksanaan wakaf tunai dalam sejarah Islam. Kedua, mengenal pasti asas dinar emas sebagai medium berwakaf dalam sejarah Islam. Kajian ini terbentuk menerusi kajian penerokaan. Pengumpulan data diperolehi daripada kajian dokumen. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil penelitian mendapati konsep wakaf tunai dalam sejarah Islam adalah berasaskan pinjaman modal, mekanisme pinjaman adalah dalam bentuk penggunaan wang emas. Bukti yang jelas berlakunya dinar emas sebagai mekanisme wakaf telah dikenal pasti pada Zaman Kerajaan Uthmaniyyat sebagai sumber pembiayaan pinjaman kepada penerima wakaf pada masa itu.

**Kata Kunci:** pelaksanaan, sejarah islam, dinar emas, wakaf tunai

## ABSTRACT

*Gold dinars are goods derived from precious and valuable metals. The special features of gold metal make its use as the most popular currency compared to any other metal in the history of currency. Research on the mechanism currently used in the practice of cash waqf using fiat money as a waqf instrument. Therefore, the use of fiat money is feared to interfere with the perpetuity of ain' in the practice of waqf. In relation to that, this study highlights a basis regarding the use of gold dinar as a waqf medium from the perspective of Islamic history. First, the objective of this study is to analyze the implementation mechanism of cash waqf in Islamic history. Second, identify the basis of the gold dinar as a waqf medium in Islamic history. This study was formed through an exploratory study. Data collection is obtained from document review. Data were analyzed using content analysis methods. The research results found that the concept of cash waqf in Islamic history is based on capital loans, the loan mechanism is in the form of using gold money. Clear evidence of the gold dinar as a waqf mechanism has been identified in the Uthmaniyyat Period as a source of loan financing for waqf recipients at that time.*

**Keywords:** implementation, Islamic history, gold dinar, cash endowment

## 1.0 PENDAHULUAN

Secara umumnya, dinar emas sebagai barang yang berasal daripada logam berharga dan bernilai. Hasil pengiktirafan logam berharga tersebut telah menjadikan

dinar emas sebagai mata wang yang pernah menjadi keagungan pada suatu masa dahulu. Keistimewaan yang dimiliki oleh logam emas menjadikan penggunaanya sebagai mata wang paling popular berbanding dengan logam lain dalam sejarah mata wang (Surita Hartini Mat Hassan, 2015). Sepertimana perumpamaan yang dikatakan sangat istimewa, seperti berikut:

*“Dikatakan pada zaman Rasulullah SAW harga seekor kambing adalah satu dinar. Selepas lebih 1,400 tahun berlalu, iaitu pada zaman sekarang harga seekor kambing masih tetap sekitar satu dinar. Mungkin agak pelik bunyinya sekiranya kita menganggap satu dinar seumpama satu ringgit” (Saat Sukami, 2011).*

Berdasarkan sifatnya stabil, dinar emas menjadi barang berharga dan bernilai pada satu ketika dahulu. Sehubungan dengan itu, keperluan kepada tuntutan sejarah adalah antara perkara yang perlu diteladani oleh umat Islam. Pengamalan dinar emas seakan-akan luput ditelan zaman. Walaupun terdapat usaha-usaha mengembalikan dinar emas tetapi tidak secara menyeluruh dan seakan-akan sukar untuk dilaksanakan sedangkan perkara itu tidaklah mustahil untuk dilaksanakan. Mengapakah Malaysia sebagai sebuah negara umat Islam, tidak menjadikan sejarah lampau sebagai agenda untuk kemajuan masa ini? Sehubungan dengan kepentingan menteladani sejarah dahulu, ditambah pula dengan sifat yang ada pada dinar emas yang sentiasa dipandang tinggi oleh manusia. Justeru itu, kajian ini penting untuk dilihat daripada aspek penggunaan dinar dalam amalan berwakaf yang diamalkan oleh masyarakat Islam terdahulu

Menurut Bitannica, (2002), asas dinar emas sebagai wang telah wujud sekitar era sebelum Islam iaitu bermula pada abad ke-2 S.M. Perkembangan sejarah memperlihatkan pada ketika itu kerajaan Rom telah mempunyai mata wangnya yang tersendiri apabila memperkenalkan mata wang syiling yang dikenali sebagai *denarius*. Sementara itu, Amat @ Anwar Zainal Abidin (2002) menghuraikan bahawa semasa pemerintahan Caesar pada tahun 46 S.M satu lagi perkembangan dinar emas sebagai wang diperkenalkan iaitu dinamakan sebagai syiling *denarius* emas yang ditempa di Rom. Ekoran daripada penempaan wang syiling tersebut maka berlaku perkembangan kepada mata wang Roman yang terdiri daripada syiling emas, perak dan gangsa.

Meskipun demikian, menurut beliau lagi asas syiling *denarius* sebagai mata wang tidak dapat bertahan lama akibat pepecahan yang berlaku kepada empayar Rom. Beliau menerangkan bahawa Empayar Rom pada tahun 395M telah berpecah kepada dua empayar iaitu Empayar Rom Barat dan Empayar Rom Timur. Asas Empayar Rom Barat pada ketika itu adalah berada di Rom. Sementara itu, Empayar Rom Timur pula berada di *Konstantinople*. Akibat pepecahan tersebut Empayar Rom Barat telah mengalami kejatuhan yang mengakibatkan munculnya satu kuasa pemerintahan yang baharu iaitu Empayar Rom Timur atau lebih dikenali sebagai Empayar Byzantine.

Sehubungan dengan itu, Salmy Edawati Yaacob, Sanep Ahmad dan Hailani Muji Tahir (2009) melihat akibat pepecahan kedua-dua empayar tersebut, muncul satu lagi bentuk syiling emas sebagai wang yang diguna pakai. Syiling emas yang diperkenalkan oleh Maharaja *Konstantinople* pada ketika itu dinamakan sebagai

syiling *solidus*. Wang syiling *solidus* dikatakan berperanan sebagai mata wang rasmi Kerajaan Eropah. Sementara itu, Wan Kamal Mujani (2010) menyatakan pada tahun 546 S.M, Kerajaan Parsi pula yang berperanan dalam pengembangan dinar emas sebagai wang apabila memperkenalkan mata wang bagi negaranya. Kejayaan Kerajaan Parsi menghasilkan mata wang mereka adalah kerana tindakan masyarakat Parsi yang mempelajari kaedah menempa wang setelah wilayahnya dikuasai oleh Kerajaan Lydia pada tahun 546 S.M.

Berikutnya itu, Amat @ Anwar Zainal Abidin (2002), menerangkan dinar yang pertama yang diguna pakai pada ketika itu dinamakan sebagai *dalic* dan syiling perak dikenali sebagai *siglos*. Kedua-dua dinar dan dirham tersebut dinyatakan mempunyai hiasan atau corak yang sama. Dinyatakan oleh Amat @ Anwar Zainal Abidin (2002), tentang bentuk syiling emas dan perak orang Parsi pada ketika itu digambarkan bahagian depan mata wangnya terdapat gambar maharaja sedang duduk melutut sambil memegang busur panah di tangan kanan dan lembing di tangan kiri, manakala pada bahagian belakangnya pula, tidak mempunyai apa-apa hiasan. Dalam pada itu, Wan Kamal Mujani (2010) pula menerangkan tentang gambaran wang yang ditempa berbentuk empat segi sebelum bertukar ke bentuk bulat. Digambarkan juga pada permukaan wang terbabit tertera gambar maharaja sambil memegang busur panah dalam keadaan duduk melutut.

Kemudian, Ahmad Hassan (1999) dalam penulisannya menjelaskan perkembangan mata wang Kerajaan Parsi memperlihatkan bahawa mata wang *drachma* iaitu sejenis mata wang perak adalah mata wang yang terakhir diguna pakai selepas zaman *Alexander The Great*. Walau bagaimapun, peredaran zaman turut memperlihatkan bahawa mata wang tersebut masih berperanan sebagai wang apabila terus digunakan sehingga ke negara-negara Islam seperti Mesir, Syria, Afrika Utara, Iran dan Iraq pada ketika itu. Justeru, asas dan peranan dinar emas tidak terhenti di zaman sebelum Islam sahaja, namun terus berkembang pesat pada zaman Islam.

Secara dasarnya, Amat @ Anwar Zainal Abidin (2002) menjelaskan selepas kedatangan Islam asas mata wang pada masa itu masih menggunakan dinar dan dirham yang diperkenalkan pada zaman sebelum Islam iaitu daripada Kerajaan Rom dan Parsi. Justeru itu, pemerintahan Islam di Madinah masih menggunakan pakai mata wang emas Byzantium yang berperanan sebagai mata wang kepada masyarakat Arab pada ketika itu. Salmy Edawati Yaacob (2009), membuktikan syiling emas Byzantium dan syiling perak *Sasan* sudah kenali oleh masyarakat Arab. Oleh sebab itu, gelaran atau nama kepada dinar dan dirham sebelum kedatangan Islam masih dikekalkan selepas kedatangan Islam. Menurut Salmy Edawati Yaacob (2009) lagi jika ditinjau daripada aspek pemerintahan Rasullullah SAW, penggunaan mata wang dinar dan dirham adalah berasaskan mata wang yang sedia ada iaitu daripada Rom dan Parsi, diperakui penggunaannya oleh baginda SAW tanpa melakukan sebarang perubahan. Disingkapkan, pada pemerintahan Rasulullah SAW, baginda SAW tidak menempa sebarang mata wang lain untuk kegunaan negara Islam, maka tidak berlaku sebarang perubahan dari segi bentuk dan corak dinar yang dikeluarkan oleh Empayar Byzantium dan empayar *Sasan* (Salmy Edawati Yaacob, 2009). Tinjauan ke atas asas dan peranan dinar emas pada zaman sahabat baginda SAW pula memperlihatkan keadaan penggunaan dinar dan dirham daripada Kerajaan Rom dan Parsi masih diteruskan pada zaman khalifah Abu Bakar dan sebagianya di zaman

khalifah Umar al-Khattab. Meskipun pada zaman pemerintahan khalifah Umar al-Khattab dilaporkan telah menempa syiling dirham mengikut acuan Sasan tetapi pada zaman tersebut berlaku perbezaan pada kaedah pengiraan dinar emas.

Justeru itu, Amat @ Anwar Zainal Abidin (2002) dalam penemuannya mendapati pada zaman itu wujud satu piawaian menurut berat yang dikenali sebagai Piawaian Khalifah Umar Al-Khattab r.a. Kaedah pada tersebut menetapkan 10 dirham bersamaan dengan 7 dinar dan setiap dinar mestilah mempunyai 4.25 gram emas dan setiap dirham pula mengandungi 3 gram perak. Jika ditinjau asas dinar emas pada zaman khalifah Umar Al-Khattab r.a, perbezaan dinar emas sebelum dan selepas Islam adalah terletak kepada kaedah pengiraannya. Walau bagaimanapun, rupa bentuk mata wang tersebut masih kekal. Namun, perkembangan zaman telah membawa kepada kemajuan yang lebih baik kepada asas dinar emas apabila pada tahun 76H satu dinar Islam yang pertama telah dikeluarkan iaitu pada zaman pemerintahan khalifah Abdul Malik bin Marwan. Pada zaman ini, rupa dan bentuk dinar dan dirham tidak lagi sama seperti zaman sebelum kedatangan Islam tetapi telah diubah mengikut ciri keislaman. Oleh yang demikian, dinyatakan dalam cacatan sejarah bahawa duit emas pada ketika itu tidak lagi mempunyai gambar Kaisar Rom tetapi telah ditulis dengan ayat-ayat Al-Qur'an (Britanica 2002). Catatan sejarah memperlihatkan asas dinar emas sebagai wang telah berakhir sehingga berakhirnya kerajaan Islam di Turki.

## 2.0 KAEDAH PENYELIDIKAN

Secara umumnya, kajian ini dilaksanakan menerusi kajian penerokaan. Pengumpulan data diperolehi daripada pengumpulan data yang mempunyai dokumen berkaitan kajian seperti jurnal, buku, kitab dan sebagainya. Kemudian, data-data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan yang menganalisis hubungan antara konsep-konsep dalam kandungan.

## 3.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### 3.1 Asas Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf Menurut Sejarah Islam

Perbincangan tentang wakaf tunai di bawah tema ini merujuk kepada wang menggunakan logam emas. Sehubungan dengan itu, penelitian wakaf tunai yang dikemukakan pada zaman Kerajaan Uthmaniyyah adalah dimaksudkan dengan penggunaan dinar emas sebagai instrumen.

### 3.2 Amalan Wakaf Zaman Sebelum Islam

Wakaf secara pengertiannya telah berlaku dalam kalangan orang-orang terdahulu sebelum Islam, meskipun tidak dengan istilah wakaf namun bukti kewujudan wakaf adalah melalui terdapatnya rumah-rumah ibadah yang terbina pada ketika itu. *Al-Bait Al-Haram* dan *Al-Masjid Al-Aqsa* merupakan antara masjid yang telah wujud sebelum zaman kedatangan Islam. Begitu juga, terdapatnya rumah-rumah ibadah berbentuk gereja Yahudi dan Nasrani. Berdasarkan itu, individu yang menguruskan rumah ibadah tersebut diberi pembiayaan atas tugas yang dilaksanakan (Muhammad

Abu Zahrah, 2007:04). Maka, dengan sebab itu Barat menyatakan bahawa itu adalah sesuatu bentuk perwakafan. Beberapa hujah kewujudan wakaf sebelum Islam telah dibuktikan oleh pengaruh Barat. Terdapat tiga hujah pengaruh tamadun luar terhadap amalan dan kewujudan institusi wakaf. Pertama berdasarkan Sistem Perundangan *Piae-Cause, Res Sacrae* dan *Fidulcommisum* dalam Tamadun Byzantin dan Rom. Kedua, sistem perundangan *Fidulcommisum*. Ketiga, pengaruh *doktrin uses and trust* dalam kewujudan wakaf (Razali Othman, 2013:37-43). Dengan sebab itu, penafian tentang kewujudannya tidak dapat dinafikan. Walau bagaimanapun, perlu diyakini bahawa kewujudan wakaf sebelum Islam adalah satu kenyataan yang tidak ada asasnya. Dasar dan asas sebenarnya adalah kewujudan wakaf berdasarkan perundangan Islam. Berdasarkan perundangan Islam terdapat dua bukti yang kukuh tentang kewujudannya. Bukti yang pertama diyakini berdasarkan sebuah al-Hadith yang menetapkan bahawa amalan sedekah adalah antara amalan yang dapat mengikat hubungan seseorang apabila sudah meninggal dunia kelak. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

*“Apabila telah wafat anak Adam, maka terputuslah (pahala) amalnya kecuali tiga perkara. Sedekah jariyah, ilmu yang bermanfaat, dan anak soleh yang mendoakan kedua ibu bapanya”* (Bukhari & Muslim: 1631)

Sebagaimana yang telah dikemukakan sebelum ini, al-Hadith ini adalah al-Hadith yang menetapkan bahawa sedekah jariah adalah satu amalan yang dapat membantu seseorang apabila sudah meninggal dunia kelak. Melalui amalan sedekah jariah itulah, wakaf dilihat sebagai amalan yang dapat membantu seseorang apabila meninggal dunia. Di samping itu, dua lagi amalan lain yang dapat memberi pertolongan iaitu ilmu yang disampaikan oleh si mati kepada orang yang masih hidup dan doa-doa yang ditujukan oleh anak-anak soleh kepada kedua ibu bapanya. Bukti kedua pula, berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

Umar bin al-Khattab telah mendatangai Nabi SAW, lalu berkata, “*wahai Rasulullah, saya memperolehi tanah di Khaibar yang saya tidak menyukai sama sekali harta yang lebih baik daripadanya, maka apa yang kamu serukan kepadaku?*” Nabi menjawab, “*Jika kamu ingin tahan pokoknya dan bersedekah dengannya!*” Lalu Umar bersedekah dengan hasil bumi tanah itu. Tanah tersebut tidak dijual, tidak dihibahkan, dan tidak diwariskan. Umar bersedekah dengannya kepada orang-orang fakir, hamba, di jalan Allah, orang yang diperjalanan, dan kepada tamu. Orang yang menguasai wakaf tidak berdosa memakan sebahagian darinya dengan cara baik, dan memberi makan bukan untuk memperkaya diri (Shahih Muslim: 3055)

Melalui al-Hadith kedua ini, jelas menunjukkan asal-usul wakaf telah berlaku dalam sejarah Islam berdasarkan perbicaraan antara Umar bin al-Khattab dengan Rasulullah SAW. Pegangan kepada al-Hadith ini adalah antara asas yang kukuh bahawa wakaf berasal daripada perundangan Islam dan bukannya daripada pengaruh Barat. Merujuk kepada dalil-dalil al-Qur'an dan al-Hadith tentang wakaf yang telah

dikemukakan sebelum ini mengenai wakaf, dapat diyakini dengan sebenar-benarnya bahawa wakaf adalah bertunjangkan kepada perundangan Islam yang sebenarnya.

Justeru, wakaf dalam Islam adalah bertunjangkan kepada al-Qur'an. Dalam al-Qur'an dalil-dalil yang mengemukakan mengenai wakaf adalah dalam surah *Ali-'Imran* 3:92, *al-Baqarat* 2:245, *al-Baqarat* 2:261, *al-Baqarat* 3:180, *al-Baqarat* 2:219, *al-Hajj* 22:77. Kebanyakan dalil mengenai wakaf menyeru kepada mendekatkan diri dengan Allah SWT dengan melakukan amal kebaikan. Kebaikan yang dilakukan oleh manusia termasuklah amalan wakaf. Berdasarkan Rajah 1.0, *qurba* yang dimaksudkan adalah melakukan kebaikan dan *taqarrub* diertikan sebagai mendekatkan diri dengan Allah SWT.

Berdasarkan al-Hadith pula, seperti mana yang dikemukakan melalui dua al-Hadith mengenai wakaf, jelas menunjukkan wakaf adalah amalan yang sangat dituntut dalam Islam. Tujuan pelaksanaan adalah untuk mencapai *maqasiq* wakaf iaitu pemeliharaan harta. Sehubungan dengan itu, pemeliharaan harta dilakukan dengan mencari sesuatu harta untuk dimanfaatkan, dijaga harta tersebut dan diuruskan dengan baik. Harta-harta yang dimiliki oleh seseorang yang bermatlamat untuk diwakafkan haruslah berasaskan kepada harta yang dimiliki secara sah iaitu daripada saluran yang halal, pencarian harta secara halal adalah satu bentuk *taqwa* seseorang kepada pencipta-Nya. Setelah harta tersebut diniatkan untuk berwakaf maka harta tersebut perlu diuruskan dengan baik termasuklah memulangkan hak harta tersebut kepada Allah SWT. Oleh sebab itulah asal-usul wakaf adalah berasaskan kepada perundangan Islam. Berdasarkan kepada peredaran masa, wakaf secara praktiknya telah mengalami perubahan.

Berdasarkan *ijma 'ulama'* wakaf telah diperluaskan kepada pelbagai bentuk perwakafan. Bukan sahaja tumpuan kepada wakaf harta tidak alih seperti tanah dan bangunan sahaja tetapi turut membawa kepada harta berbentuk alih seperti wakaf dalam bentuk penggunaan wang. Perwakafan yang menggunakan pakai wang sebagai instrumen adalah dinamakan sebagai wakaf tunai.

### 3.3 Wakaf Tunai: Pengertian Dan Sejarah

Secara umumnya, Monzer Kahf (1998:4-8) mentakrifkan wakaf kepada dua aspek perbincangan iaitu aspek syariah dan perspektif ekonomi. Menurutnya, dari sudut pandangan syariah wakaf boleh didefinisikan sebagai mengadakan *Maal* atau aset dan mencegah penggunaannya berulang kali untuk mencapai objektif iaitu memperolehi kebenaran dan kebajikan. Dalam perspektif ekonomi pula, wakaf sebagai dana dan sumber-sumber lain daripada penggunaan, hasil dan manfaat barang tersebut digunakan untuk masa hadapan oleh individu atau kumpulan individu. Menurut, Habib Ahmed (2004:28) wakaf merupakan satu bentuk tindakan sukarela untuk melakukan kebajikan. Wakaf juga dinyatakan antara terma-terma am sedekah dan infaq. Selain itu, turut dinyatakan juga wakaf adalah bermaksud berdiam diri, tidak bergerak dan tidak membiarkan pergi. Sehubungan dengan itu, bagi takrifan wakaf tunai pula merupakan salah satu bentuk perwakafan yang diasaskan kepada penggunaan harta alih. Di Malaysia, takrif yang diberikan mengenai wakaf tunai bermaksud mewakafkan wang tunai kepada mana-mana pemegang amanah wakaf, di mana wang modalnya dikekalkan kepada *mauquf 'alayh*. Wang tersebut dikumpulkan dan kemudiannya ditukarkan kepada harta kekal

yang dinamakan *badal*. Manfaat hasilnya digunakan untuk kebajikan dan pembangunan ummah (Mohamad Akram Laldin, Mek Wok Mahmud & Mohd Fuad Sawari, 2008:11). Menurut ahli fuqaha, *Al-Tasuli* dalam kitab tafsir *Tuhfat al-Hukkam*, mendefinisikan pengertian wakaf tunai dalam mazhad Maliki sebagai proses mendedikasikan wang tunai sebagai wakaf untuk pinjaman kepada individu yang ditetapkan sebagai waris tanpa faedah. Zuhar Ibn al-Huzail yang bermazhad Hanafi mendefinisikan sebagai proses mendedikasikan wang tunai sebagai pelaburan untuk memperolehi keuntungan (Mahadi Ahmad, 2015:65).

Murat Cizakca (2004:02), memberi pengertian bahawa wakaf tunai merupakan satu bentuk khazanah kebajikan yang ditubuhkan dengan menggunakan modal secara tunai. Mannan, M. A. (1999:02) pula, menyifatkan wakaf tunai sebagai satu gerakan sosial baharu dapat mengembangkan dan membangunkan kebebasan manusia dari aspek pembebasan dari segi pendidikan, sosial dan ekonomi, antaranya memberi penekanan kepada konsep *mudarabat* dengan menggunakan keuntungan untuk melakukan kerja-kerja amal kebajikan (Mahali Ahmad, 2015:65). Berdasarkan kupasan mengenai pengertiannya, wakaf tunai difahami bahawa matlamat akhirnya tetap sama iaitu membuat kebaikan untuk mendekatkan diri dengan Allah SWT. Sebagaimana dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Sesiapa yang mengerjakan amal soleh, maka faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri; dan sesiapa yang berbuat kejahanatan, maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri; kemudian kamu akan dikembalikan kepada tuhan kamu”* (Al-Jathiyat, 45: 15).

Oleh yang demikian, pengertian wakaf tunai adalah untuk mencapai reda Allah SWT melalui penjanaan wang tunai menggunakan kaedah pelaburan, jual beli dan keuntungan tersebut digunakan untuk kebajikan umat Islam. Jelaslah, menurut sejarah dalam Islam wakaf tunai dikatakan diamalkan sejak abad kedua Hijrah. Perkara ini diriwayatkan oleh Iman Bukhari bahawa Iman Az Zuhri iaitu seorang ulama terkemuka menfatwakan bahawa dianjurkan wakaf dinar dan dirham untuk pembangunan dakwah, sosial dan pendidikan umat Islam (Antonio:2002) dan dijadikan modal usaha menyalurkan keuntungan sebagai manfaat wakaf (Mohamad Akram Laldin, Mek Wok Mahmud & Mohd Fuad Sawari, 2008:11). Namun, hakikat sebenarnya asal usul kewujudan wakaf tunai tidak diketahui dengan jelas. Perkara ini kerana, terdapat beberapa hujah yang membicarakan tentang kewujudan wakaf tunai antaranya dikatakan perwakafan jenis ini bermula pada pertama kalinya ketika iman Zufar mengemukakan kaedah *mudarabat* dalam amalan wakaf (Murat Cizakca, 2004:02). Sementara itu, dinyatakan juga bahawa wakaf tunai telah wujud pada Zaman Ayyubiyah buat pertama kalinya. Pada tahun 527H, Salahuddin Al-Ayyuby menetapkan bahawa orang Kristian yang datang daripada ibu Negara Iskandar untuk berdagang wajib membayar cukai. Wang hasil pembayaran cukai tersebut dikumpul dan diwakafkan kepada para fuqaha dan keturunannya, maka atas dasar itulah wakaf tunai dilihat berfungsi pada zaman tersebut (Fitra Hayani, 2007:38).

Walau bagaimanapun, terdapat perbincangan tentang sejarah wakaf tunai mengaitkan kewujudan pada zaman Rasulullah SAW, semasa zaman tersebut seorang sahabat Rasulullah SAW telah menggunakan wakaf untuk menderma tanah

ladang mereka untuk tujuan pembangunan, perolehan daripada tanah itu digunakan semata-mata untuk kepentingan pembangunan masyarakat. Oleh sebab itu wakaf tunai disasarkan menjadi pilihan yang sangat berkesan untuk membasi kemiskinan (Haslindar Ibrahim, Afizar Amir & Tajol Ariffin Masron, 2013:04). Berdasarkan penelitian sejarah sering kali mengaitkan wakaf tunai pada zaman Kerajaan Uthmaniyyat. Oleh itu, fokus pelaksanaan wakaf tunai beralih kepada amalannya pada zaman tersebut.

### **3.4 Amalan Wakaf Tunai Pada Zaman Empayar Uthmaniyyat**

Secara umumnya, kemuncak kepada pelaksanaan wakaf tunai dalam dunia Islam sangat jelas pada zaman pemerintahan empayar Uthmaniyyat. Menurut sejarah, pemerintahan Uthmaniyyat adalah sebuah empayar yang paling besar dan paling lama berkekalan telah direkodkan (Quataert, 2000:03). Oleh yang demikian, tidak mustahil apabila empayar Uthmaniyyat dinyatakan sebagai sebuah empayar yang mempunyai harta tanah yang dianggarkan mencapai tiga suku tanah yang sesuai untuk produktiviti tanah pertanian pada tahun 1925 (Mannan, 1999:05). Bersesuaian dengan tempohnya sebagai sebuah empayar yang paling lama bertahan, pembangunan atas wakaf tunai pada pemerintahan tersebut berperanan untuk pembangunan ekonomi umat Islam dalam memastikan pengagihan kekayaan yang adil kepada umat Islam (Nur Zarina Zakaria & Norazmawati Md Sani@ Abdul Rahim, 2014). Pada ketika itu, dikatakan institusi wakaf merupakan salah satu institusi kewangan Islam yang terpenting kerana berperanan menyediakan dana atau modal terutama sekali bagi individu yang memerlukan modal seperti usahawan dan juga orang awan (Murat Cizakca, 1996). Sistem pembiayaan modal secara eksklusif oleh sistem wakaf tunai juga mencakupi pelbagai aspek termasuklah kesihatan, pendidikan dan kebajikan (Farhah Saifuddin, Saim Kayadibi, Refik Polat, Yahya Fidan & Omer Kayadibi, 2014:276). Secara keseluruhannya, jenis harta yang diwakafkan pada zaman Kerajaan Uthmaniyyat tidak hanya terbatas kepada harta tidak alih sahaja, hasil kajian Yildiz (1975:22) terhadap 330 dokumen wakaf menyimpulkan bahawa harta alih seperti wakaf wang pada waktu tersebut mencapai jumlah yang banyak iaitu 42,120.220 Akce. Kemudian, pihak yang terlibat adalah antaranya pegawai kerajaan 42.7 peratus, cendekiawan 16.0 peratus, golongan agama 9.8 peratus, pengusaha 2.5 peratus dan lain-lain 29.0 peratus. Berdasarkan itu, wakaf tunai menjadi salah satu instrumen wakaf yang terpenting pada ketika itu.

### **3.5 Mekanisme Pelaksanaan Wakaf Tunai Zaman Empayar Uthmaniyyat**

Secara dasarnya, perundangan tentang pelaksanaan wakaf tunai pada empayar Uthmaniyyat adalah termaktub dalam peruntukan yang meluluskan khazanah wakaf seawal abad ke-15 sehingga pada akhir abad ke-16. Peruntukan ini telah diluluskan oleh Mahkamah Uthmaniyyat pada ketika itu dan dilaporkan wakaf tunai sangat popular di seluruh Antolia dan Wilayah Eropah yang lain (Murat Cizakca, 2004:2). Menurut Mandaville (1979), kemunculan wakaf tunai pertama kalinya dikesan pada tahun 1423 di Erdine. Perkara ini dinyatakan oleh beliau melalui pernyataan:

*“Yagci Haci Muslihuddin mewakafkan kedai di daerah Agacpazari dan sejumlah wang berjumlah 10,000 akce. Pendapatan atau keuntungan yang dijalankan daripada wang yang dipinjamkan sebanyak 1000 akce digunakan untuk membayar setiap seorang daripada tiga orang yang membaca al-Qur'an di masjid Kilise. Pada tahun 1442 pula, sejumlah empat buah kedai, rumah mandi (hamam) dan wang tunai sejumlah 30,000 akce telah diwakafkan untuk membiayai pembinaan masjid dan Pusat Penyelidikan Makanan (imaret) di Erdine, dan sebuah sekolah di Gallipoli. Harta-harta wakaf termasuk wang tunai tersebut digunakan untuk membiayai kos penyelenggaraan, dan membayar gaji para pelajar, guru dan pekerja yang terlibat dalam pembinaan bangunan-bangunan tersebut”* (Mandaville, 1979:290 dlm Razali Othman (2014:65).

Kemudian, penerangan lanjut berkaitan perwakafan oleh kedua-duanya ditunjukkan dalam Jadual 1:

**Jadual 1:** Penemuan Tentang Wakaf Tunai Zaman Uthmaniyyat

Pewakaf	Harta Wakaf
Yagci Haci Muslihuddin (1423)	Mewakafkan kedai di daerah Agacpazari dan juga wang berjumlah 10,000 akce. Pendapatan daripada bayaran sewa dan keuntungan daripada pemberian pinjaman tersebut diberikan kepada tiga orang pembaca al-Qur'an di Masjid Kilise.
Balaban Pasa (1442)	Melibatkan empat buah kedai, satu rumah mandi (Hamman) dan wang berjumlah 30,000 akce diwakafkan untuk membiayai pembinaan masjid, pusat penyediaan makanan (Imaret) dan sebuah sekolah di Gallipoli serta membiayai kos penyelenggaraan dan membayar gaji guru dan pekerja. Termasuk juga bantuan kewangan kepada pelajar.

Sumber: Mandaville, 1979: 290: Razali Othman, 2014

Berdasarkan Jadual 1, penemuan tentang kedua-dua pewakaf di atas menunjukkan penemuan awal tentang wakaf menggunakan wang. Menurut sejarah pula, semasa pemerintahan Bayezid II (1481-1512) jumlah kutipan wakaf di Istanbul dinyatakan meningkat sejak tahun 1500, namun masih di tahap yang sederhana. Seterusnya pada tahun 1505, peningkatnya dinyatakan melebihi amalan wakaf tradisional (Mandaville, 1979:292). Menjelang tahun 1533, kaedah berwakaf ini terus diterima oleh masyarakat dan menjadi satu kaedah yang dominan sehingga ke tahun 1560 (Mandaville, 1979:292). Dari segi pelaksanaan, pengurusan wakaf tunai pada ketika itu dilihat mempunyai perancangan yang teratur. Berikutnya terdapatnya perincian tentang data pewakaf antaranya mengenai pendaftaran. Justeru

itu, perincian tentang pendaftaran wakaf tunai pada zaman Uthmaniyyat adalah seperti Jadual 2.0 berikut:

**Jadual 2: Maklumat Daftar Wakaf Zaman Uthmaniyyat**


<b>Maklumat Daftar Wakaf Zaman Uthmaniyyat</b>	
<b>Maklumat Pewakaf (<i>Mahalle</i>)</b>	<b>Malumat Peminjam (<i>Zimen</i>)</b>
a) Nama Pewakaf/ Tujuan Berwakaf	a) Nama Peminjam
b) Nama; Daerah Wakaf	b) Jumlah Modal Peminjam
c) Nama Pemegang Amanah	c) Tempat Tinggal Peminjam
d) Tempoh Masa Wakaf	d) Agama Peminjam
e) Modal Asal Wakaf	e) Jantina Peminjan
f) Baki Modal Baharu	Tiada
g) Jumlah Pulangan Wang (akhir tahun)	Tiada
h) Tujuan Penerima Manfaat Wakaf	Tiada

Sumber: Murat Cizakca, 2004:08: Razali Othman, 2014

Berdasarkan Jadual 2 yang dikemukakan, penelitian ke atas bentuk pelaksanaan wakaf tunai pada zaman Kerajaan Uthmaniyyat terdapat tiga perkara yang dikemukakan. Pertama, pelaksanaan wakaf tunai ketika itu melibatkan pewakaf dan peminjam. Kedua, adalah berkaitan konsep wakaf tunai pada ketika itu adalah berasaskan pinjaman modal, mekanisme pinjaman adalah dalam bentuk penggunaan wang emas. Ketiga, terdapat rekod bertulis secara terancang dilaksanakan pada ketika itu. Sehubungan dengan itu, pelaburan dana berdasarkan kepada wakaf tunai pada ketika itu mencakupi tiga kaedah utama iaitu berasaskan kepada *Mudarabah*, pembiayaan tanpa faedah (*qard al-hasan*) dan *Mu'amalah* (*Bay 'al-Inah* dan *Tawarruq*). Ketiga-tiga kaedah ini digunakan untuk menyediakan pinjaman kepada mereka yang memerlukan modal. Dengan ini, pembiayaan bagi pinjaman dijana melalui hasil perwakafan orang ramai serta hasil bayaran cukai (Mandaville, J. E., 1979).

Merujuk kepada Rajah 1, terdapat dua aspek utama yang dikemukakan mengenai sistem pelaksanaan wakaf tunai pada zaman Kerajaan Uthmaniyyat. Pada peringkat awal, pengumpulan dana adalah melalui penyewa dan peminjam akan dikumpulkan ke dalam satu tabungan, kemudian pengurus (*Mutawalli*) membuat agihan kepada tiga saluran. Pertama, agihan berasaskan kepada sumber pembiayaan termasuklah pembiayaan untuk pembinaan bangunan dan infrastruktur. Kedua, pemberian modal perniagaan merangkumi kadar pulangan 10 peratus dikenakan ke atas jumlah pinjaman setelah itu pulangan diberikan dikembalikan dalam bentuk kebajikan. Saluran ketiga pula, mencakupi bayaran kewangan kepada golongan miskin termasuklah bayaran upah pekerja dan bantuan kewangan untuk pendidikan.

Perkara ini diterangkan dengan lebih jelas dalam Rajah 1 berikut:



**Rajah 1**  
Sistem Pelaksanaan Wakaf Tunai Zaman Uthmaniyyat  
Sumber: Razali Othman (2014)

Di samping itu, instrumen dan mekanisme wang yang diutarakan mengenai penghasilan wakaf tertera seperti berikut:

*“Sejumlah 2377.5 grus modal asal wakaf tunai telah diterima oleh Esseyid Halil Aga (pemegang amanah) pada tahun 1785. Keuntungan tahun sebelumnya berjumlah 166.5 grus ditambah kepada modal asal menjadikan jumlah wakaf tunai terkumpul sebanyak 2544 grus. Tiga sumbangan wakaf tunai yang lain diterima oleh Esseyid Halil Aga berjumlah 351.5 grus yang menjadikan jumlah modal wakaf tunai keseluruhan berjumlah 2729 tersebut, kemudiannya diagihkan kepada 20 orang individu dalam bentuk pinjaman yang menjana keuntungan sebanyak 257.5 grus. Daripada jumlah tersebut, 86.5 grus digunakan untuk tujuan kebajikan seperti yang telah ditetapkan oleh pewakaf,*

*dan bakinya sebanyak 171 grus dimasukkan semula ke dalam modal asal wakaf tunai yang dibawa ke tahun berikutnya”* (Murat Cizakca, 2004 dlm Razali Othman (2015:44)

Oleh yang demikian, konsep wakaf tunai pada zaman Kerajaan Uthmaniyyat mencakupi beberapa aspek penelitian. Pertama, wang perak dan emas yang mempunyai nilai *instrinsik* telah digunakan sebagai instrumen wakaf tunai. Kedua, mekanisme wakaf tunai dilakukan dengan cara mengumpulkan dana dan membuat pelaburan. Ketiga, sistem perundangan Islam klasik yang dipanggil *Istighlal* digunakan untuk memastikan pemilikan wang adalah kekal dan terjamin. Pada akhirnya, aspek pengagihan kepada kebajikan, pembentukan pengurusan dan tambahan kepada modal asal (Razali Othman: 2015:45). Terdapat juga kenyataan yang diutarakan memperlihatkan tentang kewujudan mekanisme dirham sebagai instrumen berwakaf berdasarkan pinjaman pada ketika itu antaranya:

*“Pada tahun 1513, el-Hac Suleyman b, El-Hac telah dikurniakan 70,000 perak dirham. Daripada jumlah tersebut 300.00 dirham itu harus dibelanjakan untuk pengasuhan sekolah dan baki selebihnya sebanyak 40,000 adalah untuk dipinjamkan sebagai muamele-I seriyye dan Istighlal dengan 10 peratus tahunan murabahat. Hasil itu diperolehi adalah untuk dibelanjakan seperti berikut tiga dirham gaji harian kepada guru di sekolah tersebut, satu dirham kepada pembantunya, satu dirham kepada orang yang membaca al-Qur'an dan dua dirham kepada pemegang amanah daripada jumlah peruntukan* (Murat Cizakca, 2004:12).

Berdasarkan pernyataan tersebut, jelas menunjukkan penggunaan dirham sebagai instrumen wakaf tunai pada ketika itu.

#### **4.0 KESIMPULAN**

Setakat penemuan pada zaman-zaman Islam bukti atau perbincangan berkenaan dinar emas sebagai medium berwakaf masih tidak dapat ditentukan asasnya. Walau bagaimanapun, terdapat bukti yang jelas bahawa zaman Kerajaan Uthmaniyyat telah mengaplikasi dinar emas sebagai salah satu medium berwakaf pada ketika itu. Perkara ini juga mengambil kira pada zaman tersebut dinar emas digunakan sebagai mata wang dalam urusan jual beli. Sehubungan dengan itu, atas alasan tersebut penelitian dalam tema ini hanya menyentuh amalan wakaf menggunakan dinar emas pada zaman Kerajaan Uthmaniyyat. Perkara ini mengambil kira kekurangan bukti yang dapat dikaitkan bahawa asasnya sebagai medium berwakaf pada zaman yang lain. Ditambah lagi, dengan kekurangan bahan penulisan pada zaman yang lain.

Secara dasarnya, wakaf tunai pada zaman Kerajaan Uthmaniyyat mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan penggunaan dinar emas. Penelitian sejarah menunjukkan bahawa wakaf tunai telah direkod wujud pertama kalinya di Erdine, Turki pada tahun 1423 dengan menggunakan wang emas dan perak sebagai instrumen (Razali Othman, 2014). Oleh sebab itu, asas dinar emas sebagai satu medium berwakaf ditemui pada zaman tersebut. Penyebab utama penggunaan

sebagai mekanisme wakaf tunai adalah disebabkan penggunaan mata wang pada ketika itu adalah emas dan perak. Oleh yang demikian, kesan kejayaan wakaf tunai ketika zaman Kerajaan Uthmaniyyat masih boleh didapati sehingga ke hari ini. Mengenai asas dalam sejarah Islam dinyatakan bahawa bukti yang jelas berlakunya dinar emas sebagai instrumen wakaf tunai telah dikenal pasti oleh pengkaji terdahulu wujud pada zaman Kerajaan Uthmaniyyat. Ketika zaman tersebut, dinar emas digunakan sebagai sumber wakaf bagi pembiayaan pinjaman kepada penerima wakaf. Justeru, pada zaman tersebut dinar emas digunakan sebagai mekanisme pembiayaan secara aliran terus atau dengan mudah difahami perbelanjaan yang tidak nampak. Berbeza apa yang diamalkan di Malaysia, sumbangan daripada wakaf tunai akan ditukarkan kepada harta tetap. Secara keseluruhannya, penelitian mendapatkan konsep wakaf tunai dalam sejarah Islam adalah berasaskan pinjaman modal, mekanisme pinjaman adalah dalam bentuk penggunaan wang emas. Bukti yang jelas berlakunya dinar emas sebagai mekanisme wakaf telah dikenal pasti pada Zaman Kerajaan Uthmaniyyat sebagai sumber pembiayaan pinjaman kepada penerima wakaf pada masa itu.

### **Sumbangan Penulis**

Hamid, C.K., Pemilihan tajuk, penulisan abstrak termasuk juga penulisan dapatan kajian. Yahaya, S., Metodologi kajian, pengumpulan data. Abdullah, S.R., menghuraikan berkaitan pengenalan. Hassan, S.H.M., Fazial, F., idea dan penulisan dalam dapatan kajian. Seterusnya, Mohd Nor, N.A., selaku penyemak bahasa.

### **Penolakan Tuntutan**

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan tidak dipertimbangkan oleh jurnal lain. Semua penulis telah meluluskan semakan itu, bersetuju dengan penyerahannya dan mengisyiharkan tiada konflik kepentingan manuskrip.

### **RUJUKAN**

- Ahmad Hassan (2005). Mata Uang Islami Telaah Komprehensif Sistem Keuangan Islami. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Amat @ Anwar Zainal Abidin (2002). Sejarah Penggunaan Mata Wang Dinar, Kertas kerja dibentangkan di Seminar Dinar Peringkat Kebangsaan “Dinar: Ke Arah Pemantapan Ekonomi Ummah” di Kolej Universiti Islam Malaysia pada 16 Mac 2002.
- Farhah Saifuddin, Saim Kayadibi, Refik Polat, Yahya Fidan & Omer Kayadibi (2014). The Role of Cash Waqf in Poverty Alleviation: Case of Malaysia, Kertas kerja dibentangkan di Proceeding Kuala Lumpur International Business, Economics and Law Conference (KLIBEL4) di Hotel Putra, Kuala Lumpur pada 31 Mei -1 Jun 2014.
- Fitra Hayani (2007). Wakaf Tunai dalam Perspektif Ulama Fiqih Studi Analisis Pendapat Ulama Hanafiyyah dan Safi'iyah. Tesis Sarjana yang diserahkan kepada Program Studi Perbankan Syariah, Jurusan Muamalah, Fakultas

- Syariah dan Hukum, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta. Tidak diterbitkan.
- Habib Ahmed (2004). *Role of Zakah and Awqaf in Poverty Allevition*. Jeddah, Saudi Arabia: King Fahd National Library Cataloging in Publication Data.
- Haslindar Ibrahim, Eliza Nor & JoriahMuhammad (2013). *Cash Waqf And Its Development In The Northern Region Of Malaysia*, Kertas kerjadibentangkan di 4<sup>TH</sup> International Conference On Business And Economic Research (4<sup>TH</sup> ICBER 2013) Proceeding di Golden Flower Hotel, Bandung Indonesia pada 4-5 March 2013.
- Mahadi Ahmad (2015). "Cash Waqf: Historical Evolution Nature and Role as an Alternative to Riba- Based Financing for the Grass Root", dlm. *Journal of Islamic Finance and Finance*, 4 (1), hlm. 063-074.
- Mannan, M. A. (1999). *Cash Waqf Certificate Global Opportunities for Developing the Sosial Capital Market in 21<sup>st</sup> Century Voluntary Sector Banking*, Kertas kerja dibentangkan di Proceedings of the Third Harvard University Forum on Islamic Finance: Local Challenges, Global Opportunitis Cambridge, Massachussettes di Center for Middle Eastern Studies, Harvard University pada tahun 1999.
- Mohamad Akram Laldin, Mek Wok Mahmud & Mohd Fuad Sawari (2008). "Maqasid Syariah dalam Pelaksanaan Waqaf", dlm. *Jurnal Pengurusan Jawhar*, 2 (2), hlm.1-24.
- Monzer Kahf (1998). *Financing Development of Awqaf Properties*, Kertas kerja yang dibentangkan di International Seminar on Waqf and Economic Development, Anjuran Bersama Islamic Research and Training Institute (IRTI), Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM) dan BIMB Institute of Research and Training Sdn. Bhd di Pan Pasific Hotel, Kuala Lumpur pada 2-4 Mac 1998.
- Muhammad Abu Zahrah (2007). *Wakaf Menurut Agama dan Undang undang*. (terj.H.M. Yusuf Sinaga). Selangor: Berlian Publications Sdn Bhd.
- Murat Cizakca (2004). *Incoparated Cash Waqfs and Mudharabah: Islamic Nonbank Financial Instrumens from The Past to The Future*, Kertas kerja dibentangkan di International Seminar on Non-Bank Financial Institution, Kuala Lumpur pada 16-28 Januari 2004.
- Nur Zarina Zakaria & Norazmawati Md Sani @ Abd Rahim (2014). *Integratedv framework For DevelopmentOn Waqf Land In Pulau Pinang*, Kertas kerja dibentangkan di Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf.
- Quataert, D. (2000). *The Ottoman Empire 1700-1922*. United Kingdom: University Press, Cambridge.
- Razali Othman (2013). *Instrumen Wakaf Tunai: Analisis Falsafah Penciptaan Wang Fiat Daripada Perspektif Maqsad Wakaf Tunai*, Kertas Kerja dibentangkan di The 7th Isdev International Graduate Workshop (INGRAW 2013) anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) di Dewan Persidangan Universiti (DPU) USM, Pulau Pinang pada 30-31 Oktober 2013.
- Razali Othman (2014). *Penggunaan Wang Sebagai Instrumen Wakaf Tunai:Satu Kajian Teoretis*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang diserahkan kepada Pusat

- Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, USM, Pulau Pinang. Tidak diterbitkan.
- Saat Sukami (2011). *Pelaburan Emas Kaedah Pendekatan dan Strategi*. Sungai Buloh, Selangor: C.T Book Makers Sdn Bhd.
- Salmy Edawati Yaacob, Sanep Ahmad & Hailani Muji Tahir (2009). *Dinar Emas dalam Islam*, Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM IV) “Memacu Pembangunan Ekonomi dalam Ketidaktentuan Persekutaran Global” diKuantan, Pahang pada 2-4 Jun 2009.
- Salmy Edawati & Sanep Ahmad (2009). *Aplikasi Semasa Penggunaan Dinar Emas Di Dunia: Satu Tinjauan Umum Di Indonesia, Malaysia, Afrika Selatan Dan United Kingdom*, Kertas kerja dibentangkan di Prosiding Seminar Antarabangsa Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi Wang Dinar di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi, Selangor pada 27 Ogos 2009.
- Sanep Ahmad & Salmy Edawati Yaacob (2012). *Dinar Emas Sejarah dan Aplikasi Semasa*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suhrawardi K Lubis (2009). *Prospek Wakaf Tunai dalam Pembinaan Ekonomi Islam di Indonesia*, Kertas kerja dibentangkan di Bengkel Antarabangsa Siswazah Isdev IV di Dewan Persidangan Universiti (DPU), Universiti Sains Malaysia (USM) pada 18-19 Ogos 2009.
- Surita Hartini Mat Hassan (2015). *Potensi Dinar Emas Dalam Wakaf Tunai*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Kamal Mujani (2009). *Sejarah Dinar Menyusuri Zaman*, Kertas kerja dibentangkan di Prosiding Seminar Antarabangsa Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi Wang Dinar di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)